



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MAJLIS PENYERAHAN PEJABAT ZON UTARA (PZU) DAN PENJENAMAAN SEMULA JABATAN TENAGA ATOM

SUNGAI PETANI, 4 November 2022 – YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) baru-baru ini telah merasmikan **Majlis Penyerahan Pejabat Zon Utara (PZU), Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia)** di Sungai Petani, Kedah.

Projek pembinaan PZU ini telah bermula pada tahun 2018 dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM12 juta sepertimana yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK 11). Sijil Siap Kerja (CPC) bagi Projek Pembinaan Pejabat Zon Utara (PZU) Atom Malaysia telah diserahkan oleh JKR pada tarikh 29 September 2022 yang lalu.

Atom Malaysia adalah badan kawal selia aktiviti tenaga atom yang menguatkuasakan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) serta berperanan sebagai Agensi Teknikal Tindakbalas Pertama (*First Responder*) melibatkan kemalangan radiologi dan sekuriti nuklear di negara ini.

Sehingga kini, Atom Malaysia mempunyai ibu pejabat yang terletak di Dengkil, Selangor dan empat (4) pejabat cawangan di seluruh Malaysia iaitu di Zon Utara, Zon Timur, Zon Selatan serta Zon Sabah dan Sarawak.

YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim berkata, “Selain daripada ibu pejabat, keempat-empat pejabat zon adalah pejabat yang disewa. Bangunan PZU ini adalah pejabat cawangan pertama yang dimiliki sendiri oleh Atom Malaysia. Fasilitas ini bukan sahaja dapat memberikan keselesaan kepada kakitangan, malahan juga kepada

pemegang lesen dan pihak berkepentingan di Zon Utara yang meliputi negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.”

Menurutnya, pembinaan bangunan PZU ini dalam memastikan semua pihak mendapat khidmat nasihat atau perkhidmatan berkaitan perlesenan, pemeriksaan, peperiksaan pegawai perlindungan sinaran (PPS), latihan berkaitan kecemasan radiologi (*emergency drill*) dan lain-lain lagi dengan lebih cepat dan efisien.

Kehadiran PZU di negeri Kedah ini juga diharap dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan punca pendapatan kepada rakyat di sini dan di sekitarnya di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Selaras dengan tema MOSTI iaitu ‘Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi’, PZU turut memainkan peranan penting dalam memberikan maklumat berkaitan keselamatan sinaran melalui program kesedaran awam dan pembangunan kerjaya dalam bidang sains sinaran kepada pelajar sekolah, kolej, universiti dan sebagainya agar dapat memenuhi keperluan industri.

Pada majlis ini juga, YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin turut memaklumkan kelulusan yang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada MOSTI untuk menamakan jabatan ini yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) kepada **Jabatan Tenaga Atom** atau ***Department of Atomic Energy Malaysia*** dengan singkatan **Atom Malaysia**.

Sehubungan itu, diharap Atom Malaysia akan dapat menjalankan fungsinya secara menyeluruh dengan lebih efektif dan mengekalkan prestasi cemerlang sebagai badan penguatkuasa aktiviti tenaga atom yang telus dan diyakini, bukan sahaja di Malaysia malah juga di persada antarabangsa.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

4 NOVEMBER 2022

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Tenaga Atom

No. Tel: +603-89225888

No. Faks: +603-89223685